

Uniknya Bulan Ramadan DI MALAYSIA

Bulan Ramadan kembali menjengah kehidupan kita pada tahun ini. Kedatangan bulan ini amat dinantikan dan diraikan dengan rasa syukur dan gembira oleh umat Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana pada bulan Ramadan, terisinya ganjaran pahala yang berlipat kali ganda.



Ramadan merupakan *Syaidul Syuhur* yang bermaksud penghulu segala bulan. Kehadiran Ramadan mampu melahirkan umat Islam yang sabar mendidik dan mengurus hawa nafsu mereka melalui ibadat puasa dan ibadat-ibadat sampingan yang lainnya. Namun, budaya masyarakat kita yang lebih sibuk memikirkan persiapan untuk sambutan hari raya berbanding mempersiapkan diri menghadapi bulan Ramadan dengan penuh ilmu. Bahkan, Ramadan ditempuh sekadar bersyarat tanpa berusaha merebut seribu rahmat yang ada bersama dengannya.

Setiap umat Islam dituntut untuk mengejar dan merebut segala rahmat dan keberkatan Ramadan dengan segala ibadat baik yang wajib mahu pun yang sunat serta amalan-amalan kebajikan yang lain untuk menambah dan meningkatkan pahala, iman dan ketakwaan mereka kepada Allah SWT. Amalan berpuasa yang difardukan kepada kita secara hakikatnya bukanlah semata-mata sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga sahaja, tetapi juga sebenarnya meliputi kehidupan kita secara menyeluruh baik dari segi akhlak, kesihatan, psikologi mahu pun ekonomi. Oleh itu, bersiap siagalah diri kita dengan serapinya untuk menyambut ketibaan bulan ini agar kita mampu mengejar ganjaran pahalanya yang berlipat kali ganda.

Pada bulan Ramadan, pelbagai bentuk ibadah yang boleh dilaksanakan oleh kita umat Islam dalam usaha mengejar ganjaran pahala dan masyarakat Islam Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakannya. Antaranya termasuklah berpuasa, bersahur, solat tarawih, tilawah dan tadarus al-Quran, memberi dan menyediakan juadah berbuka kepada mereka yang berpuasa, memperbanyakkan amalan bersedekah dan infaq, dan beriktikaf terutamanya pada 10 malam terakhir bulan Ramadan.

Berpuasa

Berpuasa pada bulan Ramadan mampu membentuk akhlak seorang mukmin yang menjadi benteng daripada melakukan pelbagai kemungkaran. Hal ini kerana perut yang lapar melemahkan nafsu seseorang serta menyempitkan laluan syaitan.

Di Malaysia, suasana bulan Ramadannya meriah dengan lambakan bazar Ramadan di merata tempat. Bahkan pada hari pertama berpuasa lagi, masyarakat kita sudah berpusu-pusu ke bazar Ramadan di kawasan masing-masing bagi membeli juadah berbuka puasa. Hal ini sudah menjadi kelaziman dan ikut-ikutan di Malaysia. Bagaimana tidak lengkap bulan Ramadan tanpa kewujudan bazar Ramadan. Berpuasa mengajar kita untuk mengurus nafsu, maka berbelanja dengan

Setiap umat Islam dituntut untuk mengejar dan merebut segala rahmat dan keberkatan Ramadan dengan segala ibadat baik yang wajib mahu pun yang sunat serta amalan-amalan kebajikan yang lain untuk menambah dan meningkatkan pahala, iman dan ketakwaan mereka kepada Allah SWT.



Pelbagai jenis makanan dijual ketika bazar Ramadan.

bijak tanpa membazirkan makanan yang dibeli dan elakkanlah diri daripada makan sehingga terlampau kekenyangan semasa waktu berbuka. Hal ini kerana pembaziran makanan acap kalinya meningkat ketika menjelang bulan Ramadan.

Bersahur

Amalan bersahur merupakan sunah yang tidaklah wajib namun digalakkan bagi kita umat Islam. Hal ini kerana bersahur merupakan amalan yang membezakan antara puasa seorang Yahudi dan seorang muslim seperti sabda Nabi SAW yang bermaksud : "Pembeza antara puasa kita dan puasa Ahli Kitab ialah makan sahur". (Hadis riwayat Muslim). Sahur dalam bahasa Arab bermaksud makanan yang dimakan sebelum seseorang berpuasa. Bersahur bukan sahaja disunatkan ketika kita berpuasa di bulan Ramadan semata-mata tetapi juga semasa kita berpuasa sunat. Bersahur sebenarnya mempunyai hikmahnya yang tersendiri kepada kita umat Islam. Selain untuk

memastikan kita lebih cergas semasa berpuasa pada waktu siang, bersahur juga mendidik kita untuk bangun pada sepertiga akhir malam.

Di Malaysia, amalan bersahur masih lagi diteruskan namun ada juga segelintir masyarakat yang tinggal di kota-kota besar tidak lagi bersahur. Hal ini disebabkan tuntutan kerja sehingga ke lewat malam yang menyebabkan ada antara mereka memilih untuk makan sebelum tidur kerana dikhuatiri gagal untuk bangun bersahur pada waktunya. Namun begitu, kebanyakan masyarakat kita masih bangun untuk bersahur walaupun sekadar meneguk air kosong dan menjamah buah kurma.

Solat Sunat Tarawih

Pada sebelah malam pada bulan Ramadan, umat Islam di serata dunia akan mengerjakan solat sunat tarawih selepas menunaikan solat fardhu Isyak. Solat sunat ini merupakan sunat muakkad yang boleh dilaksanakan secara berjemaah mahu pun bersendirian antara waktu selepas solat Isyak sehingga sebelum fajar pada malam-malam bulan Ramadan. Menurut Imam al-Ghazali dalam buku *Rahsia-Rahsia Solat*, walaupun solat tarawih boleh dilaksanakan secara sendiri tanpa berjemaah, solat secara berjemaah lebih afdal, sama seperti pendapat Umar r.a. yang mengingatkan bahawa sebahagian solat nawafil telah disyariat dalam solat berjemaah.

Suasana masjid di Malaysia pada sepuluh malam pertama bulan Ramadan begitu menggembirakan. Ruang-ruang masjid penuh sesak dipenuhi dengan para jemaah namun selepas daripada itu, ruang tersebut akan beransur-ansur kurang sehinggalah pada malam hari raya. Hal ini kerana budaya masyarakat kita yang tidak sabar-sabar untuk membuat persiapan hari raya berbanding mengejar ganjaran pahala yang dijanjikan. Jualan murah oleh pusat membeli-belah pada malam-malam terakhir bulan Ramadan menyebabkan masyarakat Malaysia lebih sibuk membeli-belah berbanding beribadah di masjid mahupun di rumah. Suasana meriah dapat dilihat di kebanyakan pusat beli-belah, bahkan ada antara pusat beli-belah yang melanjutkan tempoh masa jualan mereka seminggu sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Tilawah dan Tadarus al-Quran

Bulan Ramadan merupakan bulan al-Quran kerana pada bulan inilah Allah SWT telah menurunkan al-Quran seperti mana dalam firman-Nya yang bermaksud "Bulan Ramadan, bulan yang di dalamnya diturunkan (permulaan) al-Quran sebagai petunjuk bagi manusia dan penjelasan-penjelasan mengenai petunjuk itu, dan

Aktiviti tadarus dan tilawah al-Quran diadakan selepas menunaikan solat sunat tarawih atau masa lapang.

(menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah." (*Surah al-Baqarah* : 185). Oleh hal yang demikian, rebutlah kesempatan dan peluang berharga dalam bulan ini untuk memperbanyakkan bacaan al-Quran sama ada secara tilawah mahu pun bertadarus.

Di Malaysia, kebanyakan surau dan masjid akan melaksanakan tadarus secara berkumpulan sebaik sahaja selesai menunaikan ibadah solat sunat tarawih. Namun begitu, kebiasaannya aktiviti tersebut diikuti oleh golongan berusia yang telah bersara ataupun anak-anak kecil yang masih bersekolah. Terdapat juga jabatan-jabatan yang mengadakan tadarus al-Quran secara berkumpulan pada waktu rehat bekerja masing-masing untuk para pekerja mereka. Budaya tilawah dan tadarus al-Quran di surau dan masjid dilihat masih subur dalam kalangan masyarakat Malaysia cuma budaya membaca al-Quran di mana-mana sahaja, seperti di negara-negara Arab, masih belum ada.

Bersedekah merupakan antara amalan mulia yang dituntut dalam Islam. Konsep bersedekah dalam Islam adalah luas dan bukan sekadar hanya memberikan wang ringgit kepada mereka yang memerlukan semata-mata tetapi juga dalam aspek kerohanian dan fizikal. Islam tidak pernah mengehadkan tempoh masa kepada umatnya untuk bersedekah. Amalan ini boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sahaja mengikut kemampuan seseorang. Walau bagaimanapun, amalan bersedekah yang paling afdal di sisi Allah SWT adalah ketika bulan Ramadan. Amalan mengundang orang berbuka atau pun menyediakan makanan untuk mereka yang berpuasa merupakan satu amalan yang mulia yang digalakkan oleh Rasulullah SAW.

Di Malaysia, amalan ini juga menjadi kelaziman masyarakat kita. Pelbagai badan korporat akan menganjurkan majlis berbuka puasa kepada golongan kurang berkemampuan seperti anak yatim dan fakir miskin. Bahkan, kebanyakan daripada kita juga akan menyumbang wang ke surau atau masjid untuk menyediakan juadah berbuka puasa kepada jemaah masjid di kawasan masing-masing. Budaya bersedekah masyarakat Malaysia dilihat begitu membanggakan, bukan sahaja ketika tibanya bulan Ramadan, tetapi juga sepanjang masa. Buktinya, tabung-tabung kutipan derma sentiasa terisi dengan cepat, selain banyak juga surau dan masjid yang terbina di Malaysia hasil sumbangan dan wakaf daripada masyarakat.

Pada malam-malam penghujung bulan Ramadan, kita digalakkan untuk beriktikaf dalam usaha mencari malam lailatulqadar. Malam lailatulqadar merupakan malam yang sengaja dirahsiakan oleh Allah SWT sebagai satu ujian kepada manusia untuk mencari rahmat-



Pada kebiasaannya, solat tarawih dilaksanakan secara berjemaah di masjid atau surau.

Nya. Bagi mereka yang beriman, sesungguhnya kesempatan di penghujung Ramadan akan diisi dengan ibadah yang secukupnya dalam meraih pahala yang berlipat kali ganda. Oleh hal yang demikian, beriktikaf, iaitu dengan memperbanyakkan duduk di masjid untuk beribadah kepada Allah SWT, merupakan antara satu usaha mereka untuk merebut ganjaran tersebut. Hal ini kerana iktikaf merupakan anatara sunah Rasulullah SAW demi memperoleh kelebihan dan ganjaran lailatulqadar.

Di Malaysia, budaya beriktikaf di masjid terutamanya pada sepuluh malam terakhir di bulan Ramadan masih dilihat begitu asing. Rata-rata masih berpegang dengan adat dan budaya yang memberikan tumpuan kepada sambutan hari raya yang bakal tiba berbanding melaksanakan ibadah. Masyarakat kita akan memenuhi pusat beli-belah, sibuk di dapur membuat biskut dan kek raya ataupun sibuk memasang pelita bagi meraikan malam tujuh likur sepanjang sepuluh malam terakhir. Masyarakat Arab pula memilih jalan berbeza dengan ada antara mereka yang memilih untuk bercuti sepanjang bulan Ramadan ataupun ketika sepuluh malam terakhir untuk melipatgandakan ibadah mereka kepada Allah SWT.

Budaya masyarakat Malaysia dalam melaksanakan ibadah pada bulan Ramadan terutamanya ketika sepuluh malam terawal sangat meriah dengan setiap ruang dilihat terisi dengan sosok tubuh jemaah. Semua lapisan masyarakat dilihat berpusu-pusu ke surau dan masjid berhampiran bagi meraikan kedatangan Ramadan. Namun begitu, menjelang malam-malam terakhir kita lebih terikut-ikut adat dan budaya masyarakat setempat dengan sibuk membuat persiapan hari raya hinggakan suasana lengang jelas kelihatan di kebanyakan masjid dan surau Malaysia. Rancangan hiburan terutamanya lagu-lagu raya pula mengambil tempat siaran di kaca televisyen dan di corong radio sehingga mampu melalaikan kita daripada terus beribadah. 